

Newspaper  
Date

Utusan Malaysia  
22 February 2016



# LEGASI TUN RAZAK

**T**UN RAZAK mengambil alih kepimpinan politik ketika keadaan negara sedang berkecamuk selepas peristiwa rusuhan kaum 1969. Tidak banyak pihak khususnya pemerintah Barat yang yakin Malaysia mampu kembali pulih sepenuhnya, terus membangun dan kekal stabil selepas peristiwa tersebut. Barat bukan sahaja memandang rendah kemampuan orang Melayu untuk mentadbir negara ini lebih baik daripada British, malah langsung tidak memberikan harapan bahawa Malaysia boleh berjaya sebagai sebuah negara yang aman makmur dan terus merdeka.

Rujuklah penulisan dan pandangan penuh prejudis mereka dalam pelbagai majalah dan buku sekitar era 60-an dan 70-an bagi sesiapa yang ingin mengetahui keadaan ini. Dalam keadaan keselamatan negara masih terumbang-ambing akibat perpecahan dan hubungan antara kaum yang meruncing selepas peristiwa 13 Mei 1969, anasir komunis yang terus bermaharajalela memburukkan lagi keadaan ketika itu. Apatah lagi ancaman teori domino yang diketengahkan oleh Amerika Syarikat bahawa satu demi satu negara di Asia Tenggara akan jatuh ke tangan komunis setelah parti komunis menguasai Indo-China seakan-akan menjadi satu kenyataan.

Pada masa sama, keadaan ekonomi negara yang suram kerana kejatuhan harga komoditi, kadar kemiskinan yang tinggi serta ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum, menambahkan lagi cabaran sukar yang harus dipikul oleh Tun Razak dan kerajaannya ketika itu. Kesemuanya ini perlu diatasi segera bagi mengelakkan berulangnya peristiwa pertembungan antara kaum seperti 13 Mei 1969.

Orang Melayu ketika itu dilanda revolusi hasrat tinggi melambung namun berdepan dengan revolusi hasrat hancur berkecai, melihat nasib dan kedudukan mereka yang tidak banyak berubah malah berdepan prospek kehilangan kuasa setelah 12 tahun negara mencapai kemerdekaan. Pada pilihan raya 1969, parti Perikatan dan UMNO kalah teruk di banyak kerusi Melayu, manakala kawasan bandar MCA kecundang di tangan DAP, Gerakan dan PPP yang ketika itu parti pembangkang.

UMNO dikalahkan oleh PAS di negeri Melayu seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah kerana dituduh gagal membela nasib kaum itu dan dikatakan menggadaikan negara kepada kaum lain.

Perikatan hilang dua pertiga kerusi Parlimen dan hanya mendapatkannya semula setelah pilihan raya Parlimen diadakan kembali di Sabah dan Sarawak selepas itu. Kelantan dan Pulau Pinang jatuh ke tangan pembangkang. Manakala Perak, Selangor dan Negeri Sembilan juga hampir terlepas daripada Perikatan yang hanya dimenangi dengan ma-



horiti kecil.

Demikianlah Tun Razak dan timbalannya Tun Dr. Ismail Abdul Rahman melalui lliku-liku sukar mengurus dan memulihkan negara yang baru merdeka yang kelihatannya tersangat rapuh serba-serbinya, dan pada masa sama harus terus memberikan harapan bahawa Malaysia mampu bertahan dan orang Melayu masih mempunyai masa depan di negara ini dan berupaya hidup harmoni bersama kaum-kaum yang lain.

Ketika Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada 1970, ia bukan sebuah dasar ekonomi semata-mata sebaliknya ia segala dasar yang dilahirkan melalui beberapa pendekatan unik bagi menangani dan mentransformasi segala kepincangan sosiopolitik dan ekonomi yang wujud di Malaysia setelah merdeka. Tempoh 20 tahun (1970-1990) yang diberikan bagi pelaksanaan DEB sebenarnya hanyalah satu kerangka masa yang secara sederhana diwujudkan bagi membolehkan dasar ini dilaksanakan secara berkeson oleh kerajaan. Realitinya, tempoh masa 20 tahun tidak praktikal bagi mencapai matlamat sebegitu besar yang digariskan oleh DEB.

Matlamat akhir DEB ialah untuk mewujudkan perpaduan nasional antara kaum utama di Malaysia. Matlamat ini ingin dicapai melalui dua upaya besar yakni, membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya identifikasi kaum tidak lagi berasaskan fungsi-fungsi ekonomi yang diwarisi sejak sebelum merdeka. Justeru, tidak masuk akal bagi sesiapa yang mengetahuinya bahawa proses etnogenesis dan kejuruteraan sosial bagi mewujudkan sebuah negara bangsa Malaysia yang bersatu-padu daripada sebuah komposisi masyarakat majmuk boleh selesai dalam tempoh singkat itu.

Tidak ada sebuah pun negara majmuk di dunia yang berjaya berbuat demikian dalam tempoh 20 tahun. Ini adalah satu proses semula jadi yang memerlukan masa ratusan tahun sebenarnya.

DEB ialah dasar paling radikal yang pernah dilahirkan oleh kerajaan Malaysia selepas merdeka. Matlamat Tun Razak melalui DEB ialah untuk menstrukturkan semula masyarakat dan ekonomi negara supaya Malaysia dan rakyatnya kekal bersatu-padu dan aman merdeka tanpa sebarang gangguan dan gubahan dari dalam dan luar negara.

Setelah DEB diperkenalkan, maka bermulalah proses pembasman kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat di Malaysia. Orang Melayu melihat bahawa pro-

jek nasionalisme ekonomi yang terkandas sesudah merdeka kini menemui harapan baru di bawah kepimpinan Tun Razak.

Tun Dr Ismail dibawa masuk semula ke dalam Kabinet sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri khusus bagi menangani ancaman komunis dan keadaan keselamatan negara yang masih meruncing. Beberapa undang-undang baru diperkenalkan dan kuasa serta kedudukan pasukan keselamatan khususnya polis diperkuat oleh beliau.

Tan Sri Ghazali Shafie pula ditugaskan sebagai Menteri Tugas-tugas Khas yang bertanggungjawab memupuk upaya perpaduan kaum melalui projek Muhibah dan penganalan Rukun Negara bagi membentuk satu ideologi dan nilai-nilai bersama untuk rakyat Malaysia seumpama Pancasila di Indonesia.

Bagi membasmi kemiskinan dan memperbaiki kedudukan orang Melayu yang tidak memiliki tanah, rancangan tanah Felda diperkenalkan. Ribuan hektar tanah rancangan dibuka di seluruh negara bagi mengeluarkan orang Melayu dari kancang kemiskinan. Berpuluh ribu petani dan nelayan Melayu yang miskin berhijrah dan menyertai rancangan Felda yang memberikan harapan baru untuk mereka memiliki tanah dan mengusahakannya serta keluar dari belenggu kemiskinan dengan melakukan projek penanaman kelapa sawit.

Melalui RISDA, ramai pekebun kecil getah dapat meningkatkan hasil getah mereka melalui pelbagai bantuan termasuk subsidi baja dan benih yang diberikan kerajaan. Para nelayan miskin juga dibantu melalui Majuikan dan kemudiannya LKIM menerusi pelbagai skim khas agar tidak lagi kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang.

Pelbagai agensi dan perbadanan pembangunan ekonomi diwujudkan di peringkat negeri dan Persekutuan bagi menggerakkan usaha-usaha pembasman kemiskinan dan pembangunan ekonomi rakyat dan penyusunan semula masyarakat, khususnya orang Melayu dan Bumiputera.

Pelbagai agensi bagi menggerakkan rancangan-rancangan pembangunan wilayah dan meningkatkan ekonomi petani dan masyarakat luar bandar digerakkan yang menyaksikan kelahiran Ketengah, Kejora, KADA, MADA dan sebagainya.

Dalam bidang pendidikan dan perniagaan, Mara ditubuhkan untuk membantu menggerakkan mobiliti sosial orang Melayu antaranya dengan menyediakan biasiswa dan pinjaman untuk anak-anak Melayu melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang kritikal dan teknikal. ITM (kini UiTM) telah membuka peluang besar untuk anak-anak Melayu dan Bumiputera mendapatkan akses kepada latihan dan pendidikan tinggi. Ratusan ribu anak Melayu mendapat peluang ini dan kini menjadi

SEBAHAGIAN pengunjung menghayati gambar-gambar yang dipamerkan sempena "Special Commemorative Seminar on Tun Razak" pada 14 Januari 2016. -BERNAMA

tokoh-tokoh penting negara dalam pelbagai bidang.

Dalam bidang ekonomi pula, sekali lagi Mara membuka pelbagai jenis peluang untuk orang Melayu dan Bumiputera menyertai sektor perniagaan. Medan-medan Mara diwujudkan untuk orang Melayu bermiaga dengan kadar sewa dan pinjaman modal mudah, manakala Institut Kemahiran Mara (IKM) dan Pusat Giat Mara memberikan latihan kemahiran dan teknikal kepada mereka bagi menyertai sektor ekonomi moden.

Dalam bidang pelajaran pula, MRSM dibina hampir di setiap negeri bagi menyediakan peluang dan persekitaran belajar yang kondusif untuk anak Bumiputera.

Sesungguhnya kejayaan terbesar DEB ialah berjaya menyediakan akses kepada latihan dan pendidikan kepada orang Melayu dan Bumiputera bagi membolehkan mereka dilahirkan sebagai tenaga profesional dan teknokrat dalam struktur ekonomi moden Malaysia.

DEB telah melahirkan ratusan ribu doktor, jurutera, arkitek, akauntan, pnsyarah, peguam, guru berijazah, pegawai kerajaan berkelulusan tinggi, profesional perbankan dan kewangan, ahli korporat dan peniaga Melayu dan Bumiputera malah ulama dan guru agama berkelulusan dalam dan luar negara yang berjaya dan dihormati pada hari ini.

Ringkasnya, DEB telah berjaya mentransformasi status ekonomi dan kualiti hidup orang Melayu dan Bumiputera serta rakyat Malaysia lain amnya melalui penyediaan akses kepada tanah, modal, latihan dan pelbagai kemudahan awam yang baik bagi membolehkan negara berada dalam kedudukan sekarang.

Limpahan manfaat DEB juga turut dirasai oleh kaum-kaum lain di Malaysia. Ini dibuktikan dengan kehidupan mereka yang turut meningkat termasuk dari segi pemilikan dan penguasaan dalam kekayaan negara yang mengatasi apa yang dimiliki oleh orang Melayu dan Bumiputera.

Inilah proses dan hasrat yang ingin dicapai oleh DEB supaya akhirnya setiap kelompok masyarakat tidak teras dipinggirkan daripada arus pembangunan negara. Inilah strategi Tun Razak bagi menjayakan hasrat memupuk dan membentuk perpaduan nasional dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Tanpa DEB, Malaysia mungkin sekali lagi terjerumus dalam kemelut pertembungan dan konflik kaum yang lebih serius.

Legasi Tun Razak sangat besar kepada negara dan rakyat. Sentuhan beliau telah mencetuskan arus pembangunan masyarakat dan ekonomi Malaysia pasca merdeka yang membolehkan para pemimpin selepasnya meneruskan agenda yang belum selesai. Al-Fatihah.

PROF. DATUK SERI DR. MOHAMED MUSTAFA ISHAK ialah Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM).